

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- i. inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian dalam meningkatkan kesedaran terhadap isu kesihatan terutamanya kepada wanita dan ibu mengandung di luar bandar yang berisiko mendapat jangkitan dan penyakit; dan
- ii. 5 jenis penyakit mengikut ranking utama yang dialami di Kota Samarahan (Bahagian Perancangan – PIK).

Tuan Yang di-Pertua,

Kesihatan wanita dan ibu mengandung merupakan aspek yang penting dan sentiasa diberi keutamaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Dengan perubahan dan kemajuan yang dinikmati kini, kita turut

menyaksikan satu perubahan tren penyakit dari penyakit berjangkit kepada penyakit 'moden' yang berkait rapat dengan gaya hidup seharian yang tidak sihat.

Pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian bagi meningkatkan kesedaran terhadap isu kesihatan terutamanya kepada wanita dan ibu mengandung di luar bandar yang berisiko mendapat jangkitan dan penyakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan, melalui Kempen Cara Hidup Sihat yang diperkenalkan sejak tahun 1991, sentiasa berusaha untuk mempromosikan kesihatan dan cara hidup yang sihat. Sejak tahun 2003, satu pendekatan yang lebih holistik dengan tema "Sihat Sepanjang Hayat" telah diperkenalkan. Ia menumpukan kepada 5 komponen tingkahlaku utama dalam kehidupan seharian kita iaitu Makan Secara Sihat, Lakukan Aktiviti Fizikal, Pupuk Minda Sihat, Tidak Merokok dan Kurangkan Meminum Alkohol.

Mesej kempen di atas disampaikan kepada masyarakat, termasuk kepada golongan wanita dan ibu mengandung melalui aktiviti-aktiviti seperti ceramah, khidmat nasihat, pameran kesihatan, edaran pendidikan kesihatan seperti risalah dan poster serta kempen melalui media massa. Antara landasan yang digunakan bagi penyampaian mesej tersebut ialah sesi konsultasi kesihatan di klinik, kem kesihatan, klinik bergerak dan lawatan ke rumah bagi ibu-ibu hamil dan lepas bersalin.

Selain daripada menjalankan pemeriksaan kesihatan dan rawatan, promosi kesihatan juga diberi penekanan agar tahap kesedaran mengenai kesihatan diri, keluarga dan masyarakat dapat dipertingkatkan terutama bagi wanita dan ibu mengandung di luar bandar. Fokus diberikan kepada wanita dalam kumpulan reproduktif yang mempunyai masalah kesihatan, agar mereka mencapai tahap kesihatan yang optimum sebelum hamil.

Di samping itu, program spesifik seperti Program Kesedaran Kanser Payudara, Program Kesedaran Kanser Serviks, Program Perancang Keluarga, Program Saringan Risiko Kesihatan dan Program Pelalian Human Papilloma Virus (HPV) adalah antara program yang dilaksanakan di fasiliti kesihatan dan komuniti di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Program-program yang melibatkan komuniti juga dipergiatkan seperti kem kesihatan, KOSPEN juga aktif memberi kesedaran dan promosi berkenaan penyakit berkaitan.

KKM sentiasa bekerjasama dengan agensi lain dan badan bukan kerajaan, pemimpin masyarakat termasuk Panel Penasihat Klinik Kesihatan bagi memperkasakan golongan wanita dalam penjagaan kesihatan mereka.

SOALAN (170)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

SOALAN :-

Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengenai Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan dan apakah perancangan dan usahasama yang boleh dijalankan bagi menambah baik kawasan perbandaran seperti Kota Samarahan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibangunkan dengan enam teras iaitu:

- i. Pembangunan Modal Insan;
- ii. Kecekapan Perkhidmatan;
- iii. Pengukuhan Kewangan;
- iv. Kesejahteraan Rakyat;
- v. Penglibatan Rakyat; dan
- vi. Komunikasi Berkesan

Pelan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan PBT dan kesejahteraan rakyat, memenuhi perubahan dinamik dan inovatif kepada ekspektasi "*People Friendly, Business Friendly and Environmental Friendly*" serta mengubah persepsi negatif rakyat terhadap Kerajaan.

Terdapat 22 strategi dan hampir 200 program meliputi 6 teras tersebut telah dirangka untuk dilaksanakan oleh PBT. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertumpu kepada negeri-negeri yang mengguna pakai Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

Sekiranya PBT di negeri Sarawak berminat untuk mengguna pakai pelan ini, maka persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum diperluaskan ke negeri berkenaan. Di samping itu, aspek perundangan juga perlu diperhalusi bagi mengelakkan berlakunya pertindihan antara Akta 171 dan *Local Authorities Ordinance 1996*.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016